



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**  
(*Department of Skills Development*)  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA**  
(*Ministry of Human Resources, Malaysia*)  
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5000  
Faks : 03-8888 0989  
Email : jpk@mohr.gov.my  
Website : www.dsd.gov.my

Ruj. Kami : JPK.700-2/6/20 (2)  
Tarikh : 22 September 2021

**Semua Pengurus Pusat Bertauliah NDT**

**Semua Pemegang Sijil SKM NDT**

**Semua Calon Peperiksaan SPKM NDT**

**Semua Calon Persijilan SPKM NDT**

**PEMAKLUMAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) DAN SLIP PEPERIKSAAN UJIAN TANPA MUSNAH (NDT) SEMASA FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DI SELURUH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Pengurusan SPKM NDT Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah disediakan untuk menyelaras tatacara operasi berkenaan hal-hal persijilan SPKM NDT, selaras dengan arahan terkini Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19 yang telah dikuat kuasakan seluruh negara sejak 18 Mac 2020 yang lalu.

3. Untuk makluman tuan/puan, sebelum ini tempoh sah laku sijil SKM NDT Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang tamat tempoh bermula pada 1 Julai 2021 dan seterusnya, dilanjutkan secara automatik sehingga 30 September 2021 tanpa perlu memohon. Namun demikian, selaras dengan arahan terkini Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), pelanjutan yang sewajarnya perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan SPKM NDT sepanjang tempoh berkenaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

4. Oleh yang demikian, dengan mengambil kira keperluan ISO/IEC 17024:2012 dan ISO 9712 serta arahan semasa MKN dan Kerajaan Malaysia, tempoh sah laku bagi sijil SKM serta slip peperiksaan NDT Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 yang tamat tempoh bermula pada **1 Julai 2021** dan **seterusnya akan dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Disember 2021**. Pemegang sijil yang perlu menduduki peperiksaan verifikasi bagi tujuan persijilan semula, tempoh sah laku bagi sijil SKM NDT yang tamat tempoh **pada dan sebelum 30 Jun 2021 juga akan dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Disember 2021**. Dengan ini surat pemakluman bertarikh 3 Julai 2021 adalah terbatal. Surat pemakluman ini perlu dibaca bersama **Garis Panduan Pengurusan SPKM NDT Sepanjang Tempoh PKP, PKPB dan PKPP** terkini.

Segala perhatian tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”**

Zaihan Shukri

(DATO' Ts. HJ. ZAIHAN BIN SHUKRI)

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia